

UiTM hargai Dr M

Oleh Minarni Mat Saad

SHAH ALAM: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains Politik dan Kerajaan oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) bersempena Istiadat Konvokesyen Komemoratif ke-6 UiTM.

Anugerah itu disampaikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail yang juga Canselor UiTM pada majlis penuh istiadat konvokesyen yang berlangsung di Dewan Seri Budiman di sini, semalam.

Baginda dalam ucapannya bertitah, Dr Mahathir adalah seorang pemikir dan pemimpin yang berpandangan jauh kerana dapat melihat dan menilai sumbangan serta status UiTM sebagai sebuah Universiti yang unggul.

Titah baginda, ternyata UiTM tidak menghampankan hasrat dan ha-


rapan bekas Perdana Menteri itu kerana Universiti berkenaan pada hari ini mempunyai 100,000 siswa dan siswi dari pelbagai peringkat sehingga ke Ijazah Doktor Falsafah.

"Selain itu, sesuai dengan statusnya sebagai sebuah Universiti, UiTM berjaya melahirkan penyelidik yang mendapat pengiktirafan pada peringkat nasional dan antarabangsa," titah baginda.

Justeru, baginda bertitah, sudah tiba masanya UiTM menghargai seorang negarawan yang berjuang dengan kepintaran siasah dan fikirannya untuk mengembalikan martabat bangsa yang berdaulat dan merdeka.

Baginda juga menyifatkan Dr Mahathir seorang yang amat dedikasi serta pemimpin yang mengamalkan nilai murni di samping mendahului kepentingan bangsa daripada kepentingan diri sendiri.

Dalam pada itu, baginda mengucapkan tahniah kepada isteri bekas



YANG DI-PERTUAN AGONG menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains Politik dan Kerajaan kepada Dr Mahathir pada Majlis Istiadat Konvokesyen Komemoratif UiTM, semalam.

Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta keluarganya yang sentiasa memberi sokongan dan bersama-sama mengharungi cabaran serta berkongsi suka dan

duka bersama Dr Mahathir.

Turut hadir, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Pro Canselor, Tan Sri Dr Sulaiman Daud, Tan Sri Arshad Ayub

dan Tan Sri Wira Abdul Rahman Arshad; Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, Tan Sri Nik Mohamed Yaacob dan Naib Canselor, Datuk Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah.

Demokrasi kita untuk kebaikan rakyat

SHAH ALAM: Malaysia sering dikecam negara demokratik etnik Eropah kerana menurut mereka tidak mengamalkan sistem demokrasi liberal seperti mereka, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang penerima Ijazah Kehormat Doktor Sains Politik dan Kerajaan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) semalam, berkata kritikan itu membuatkan ada rakyat Malaysia yang berasa malu mengenainya.

Dr Mahathir berkata, sepatutnya rakyat sedar bahawa demokrasi yang diamalkan Malaysia adalah untuk kebaikan negara dan rakyat, bukan rakyat dan negara dikorbankan untuk kebaikan demokrasi.

"Kita sudah lihat bagaimana demokrasi yang liberal menghancurkan budaya, moral dan agama dan kita tidak perlu halalkan kehancuran ini atas nama demokrasi. Kita harus ambil yang jernih dan buang yang keruh," katanya berucap pada majlis penganugerahan ijazah kehormat itu di sini.

Dr Mahathir berkata, rakyat perlu arif dalam ilmu politik dan tahu membezakan antara 'kaca dan permata', jika mereka ingin meraih kebaikan dan kebahagiaan daripada kuasa memilih kerajaan dalam sistem demokrasi.

Beliau berkata, kerajaan dan politik tidak dapat dipisahkan, kerajaan yang tidak cekap dan berwibawa adalah basil politik yang juga tidak cekap.

Dr Mahathir berkata, kelicinan pilihan raya dan pembentukan kerajaan di Malaysia mungkin memberikan gambaran bahawa proses politik dan pemerintahan demokrasi adalah mudah tetapi sebenarnya ia tidak sebegitu mudah.

Katanya, demokrasi adalah sistem yang amat rumit dan terdedah kepada kemungkinan rasuah, huru-hara dan anarki.

Beliau berkata, pembunuhan dan aneka jenis jenayah yang berlaku di beberapa negara membangun yang lain, yang cuba mengamalkan sistem demokrasi, adalah bukti bagaimana sulit dan bahaya amalan demokrasi.

Dr Mahathir berkata, tahap kematangan kefahaman rakyat terhadap batasan dan had demokrasi menentukan sama ada demokrasi membawa kebaikan atau tidak.

Beliau berkata, kepercayaan bahawa kehendak ramai adalah keramat (Vox Populi Vox Dei - suara ramai, suara tuhan) yang didukung oleh pengamal demokrasi di negara maju Eropah, tidak selalunya benar.

"Kerap kali suara ramai tidak diasaskan kepada kebenaran atau pemikiran yang waras. Ia lebih mungkin dipengaruhi nafsu dan kepentingan kelas atau kaum," katanya.

Dr Mahathir memberi contoh misalnya kerajaan buruh begitu memihak kepada pekerja sehingga pendapatan dan kemudahan bagi mereka ditambah dengan begitu kerap dan tinggi menyebabkan produk negara menjadi tidak berdaya saing dan perusahaan-perusahaan negara terpaksa ditutup menjadikan ekonomi negara merosot dan ramai menganggur.